

BAB 3

KEINDAHAN PANTUN WARISAN:

PERSPEKTIF PUITIKA MUHAMMAD HAJI SALLEH

Nordiana Ab Jabar

Secara umumnya pantun merupakan salah satu daripada puisi tradisional milik masyarakat Melayu yang telah wujud sejak dari dahulu lagi. Pantun telah wujud sejak masyarakat Melayu masih tidak tahu membaca dan menulis. Menurut pendeta Za'ba (dlm. Asmah Haji Omar, 2002), pantun merupakan kaedah rangkapan yang tertua dan kepunyaan asal masyarakat Melayu. Sebelum wujudnya komunikasi secara surat-menyurat dahulu pun mereka telah pandai berpantun secara lisan. Bahkan sehingga detik ini pantun menjadi kaedah komunikasi berangkap yang indah masyarakat Melayu bagi menggambarkan fikiran dan rasa yang merangkumi; kegembiraan, kesedihan, ketakutan, kelembutan, kebijaksanaan dan pelbagai rencam emosi dan perilaku.

Pantun juga merupakan satu ciptaan kreatif masyarakat dalam bentuk pengucapan untuk menyampaikan pemikiran serta perasaan sama ada bertujuan untuk memberi nasihat, menyindir, berjenaka ataupun sekadar untuk bersuka-suka. Hal ini dapat dilihat dari pendapat Tenas Effandy (2007) mengenai pantun di dalam tulisan tesis Johari Bin Yahya (2015):

“Salah satu bentuk tradisi lisan Melayu yang masih hidup dan digunakan oleh masyarakatnya ialah pantun. Pantun bukan sahaja digunakan sebagai alat hiburan, kelakar, sindiran, melampiaskan rasa rindu dendam antara bujang dengan dara, tetapi yang lebih menarik ialah peranannya sebagai media dalam menyampaikan tunjuk ajar.”